

Golongan cuma cari unsur buruk ditegur

RH 30 SEP 1985

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta rakyat supaya berfikiran positif bagi menjayakan kempen-kempen yang dianjurkan oleh kerajaan, termasuk Kepeimpinan Melalui Teladan.

Katanya, sikap itu penting supaya mereka tidak mengeneipkan teladan yang

ditunjukkan oleh pemimpin apabila kesilapan kecil dilakukan.

"Ada golongan yang berusaha mencari unsur-unsur buruk pada pemimpin untuk menafikan bahawa kempen dan slogan Kepemimpinan Melalui Teladan itu tidak berkesan," katanya ketika menggulung perbincangan di perhimpunan agung Umno hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan bahawa pemimpin juga

adalah manusia biasa dan kadang-kadang gagal melakukan apa yang dirancang dengan baik.

"Mungkin dalam melakukan sepuluh perkara, kita berjaya sembilan dan gagal satu. Janganlah yang satu itu kita pilih untuk menafikan yang lain," ujarnya.

Contohnya, saya datang ke perhimpunan ini dengan Proton Saga. Ini tidak bererti menteri lain tidak berbuat demikian," katanya.

Secara berseloroh beliau berkata, Datuk Musa Hitam juga membeli Proton Saga tetapi dibelikan kepada anaknya.

"Anak Datuk Musa tidak menghadiri perhimpunan ini. Saya pun bernasib baik kerana kereta itu saya beri kepada isteri saya. Kerana dia mahu menghadiri perhimpunan ini saya menumpanginya," kata beliau disambut oleh tepukan perwakilan.

Mengenai dakwaan seorang perwakilan bahawa ada golongan yang rapat dengan menteri untuk mendapat pengaruh, beliau menasihatkan ahli-ahli Umno supaya jangan menyimpan prasangka terhadap mereka.

Katanya, setahu beliau perkara itu tidak berlaku kerana apa juga keputusan yang dibuat oleh menteri dibincangkan oleh jawatankuasa yang dianggotai oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Mengenai Kompleks Umno pula, beliau berkata walaupun tidak dibina oleh kontraktor Bumiputera, arkiteknya adalah orang Melayu begitu juga pekerja-pekerja yang membinanya.

Katanya, penyertaan Bumiputera tidak boleh diukur dengan penyertaan kontraktor sahaja tetapi seharusnya dilihat keseluruhan kompleks itu seperti seni bina dan ciri-ciri kemelayuannya.

Mengenai kos pembinaan Universiti Utara Malaysia, beliau berkata Naib Canselor universiti itu telah diberitahu supaya menjimatkan perbelanjaannya.